

SAPU DUIT KERAJAAN RM25 JUTA

4 pengarah syarikat salah guna kuota pembekalan minyak masak bersubsidi direman SPRM

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bukan sedikit, namun wang haram dikumpul menjangkau lebih RM25 juta hasil kegiatan 'tipu kerajaan' dan penyelewengan kuota pembekalan minyak masak bersubsidi sejak tiga tahun lalu.

Kegiatan itu bagaimanapun berjaya dibongkar apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat pengarah syarikat yang dipercayai mendalangi kegiatan sindiket penyelewengan kuota pembekalan minyak masak bersubsidi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, suspek yang dilantik menjadi pembekal minyak masak bersubsidi itu

diperlakukan menyeleweng dan mengakibatkan kerugian puluhan juta ringgit kepada kerajaan.

Menurutnya, sindiket ini dipercayai mengaut keuntungan atas bayaran subsidi kerajaan berjumlah RM21.6 juta sejak beroperasi selama tiga tahun.

"Terdapat sembilan syarikat yang dikawal oleh sindiket ini yang beroperasi di Lembah Klang.

"Susulan risikan dilakukan SPRM, empat individu yang juga pengarah syarikat berusia antara 30 hingga 41 tahun itu ditahan di sekitar Selangor dan Putrajaya petang semalam (kelmarin)," katanya.

Beliau berkata, 12 akaun bank milik suspek mengandungi wang tunai RM25 juta turut dibekukan.

"Semakan dengan KPDNHEP mendapat sindiket ini diberikan kuota perbekalan minyak masak sebanyak 1,000 tan sebulan.

"Sepatutnya, syarikat ini perlu memproses dan membungkus semula minyak masak yang diberikan kepada bungkus satu kilogram dan dibekalkan untuk kegunaan peruncit dan orang ramai

khususnya masyarakat luar bandar.

"Apa yang berlaku, minyak masak bersubsidi ini tidak dibungkus sebagaimana sepatutnya. Sebaliknya minyak masak ini dikumpul dan dieksport keluar negara.

"Ketirisan yang berlaku ini menyebabkan bekalan minyak masak amat berkurangan di pasaran dan menjadi keluhan rakyat serta peniaga kecil," katanya.

Ahmad Khusairi berkata selain mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjualnya ke luar negara, syarikat terbabit turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan bagi urusan pembungkusan dan pembekalan minyak masak yang kononnya dibuat mereka.

"Kesannya dalam tempoh tiga tahun sahaja sejumlah RM21.6 juta dituntut dan diselewengkan.

"Semua suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya pagi ini (semalam) dan diarah menjalani tempoh reman sehingga Ahad untuk siasatan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009," katanya.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/6/2020
M/SURAT : 2

SUSPEK dibawa ke mahkamah untuk perintah tahanan reman selepas disyaki terbabit penyelewengan kuota pembekalan minyak masak bersubsidi.

